



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan Kami : JPA.BK(S)256/6/36 Jld.10(10)
Tarikh : 6 Mac 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL KEPADA PEKERJA BERTARAF KONTRAK DAN SEMENTARA

Sukacita saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melalui Warta Kerajaan Persekutuan P.U.(B) 239 dan 240 telah meluaskan skop liputan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja bertaraf kontrak dan sementara dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2013.


3. Kedua-dua pewartaan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 itu diperjelaskan di dalam Pekeliling Majikan Bil. 2 Tahun 2013 Skim Perlindungan Keselamatan Sosial Kepada Kakitangan Awam Yang Bertaraf Sementara Dan Kontrak yang menerangkan tentang pelaksanaan caruman yang perlu dibuat.

4. Caruman ini terbahagi kepada dua (2) jenis, iaitu:
- (i) Caruman Jenis Pertama
Caruman dikenakan untuk Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan di mana caruman meliputi syer majikan dan syer pekerja; dan
 - (ii) Caruman Jenis Kedua
Caruman dikenakan untuk Skim Bencana Pekerjaan di mana caruman hanya daripada syer majikan.
5. Sehubungan itu, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon untuk mengambil perhatian mengenai pembayaran caruman kepada PERKESO bagi pekerja bertaraf kontrak dan sementara yang terlibat di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK MOHD KHAIRUL ADIB ABD RAHMAN)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia